

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Muharram 1446H/ Julai 2024

ACIS

Aplikasi Kaedah Fekah *Al-Umur Bi Maqasidiha* Dalam Konteks Hijrah Masa Kini

Inspirasi Hijrah Kepada Generasi Muda **6**

Menggapai Kecemerlangan Melalui Hijrah Nabi **8**

Hikmah Hijrah Rasulullah SAW **9**

Karya Kreatif: Sumber Idea Berlandaskan Pengalaman dan Teknik
Pengembangan Idea **11**

Mengungkap Hijrah Harta : Sorotan Webinar Eksklusif Zakat
Pendapatan **13**

Puisi: Ilustrasi Ilham Ke Naskah Kreatif **16**

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Aplikasi Kaedah Fekah *Al-Umur Bi Maqasidiha* dalam Konteks Hijrah Masa Kini



Oleh:

Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban



Oleh:

Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Kaedah Fekah atau dalam Bahasa Arab disebut *al-Qawaid al-Fiqhiyyah* ialah suatu kaedah umum yang bersifat menyeluruh ataupun *aghlabi* (kebiasaan), yang mana daripadanya kita dapat mengetahui hukum-hakam bagi cabang-cabang yang berkaitan dengannya.

Secara mudah ia boleh difahami sebagai kaedah yang boleh digunakan dalam menentukan suatu hukum terutama permasalahan baru atau semasa yang memerlukan kepada penjelasan dari sudut syarak.

Maksudnya, apabila berlaku suatu pertikaian hukum, untuk menjelaskan sama ada ia dibolehkan atau dilarang, atau dalam ertikata lain apakah ia wajib, haram atau seumpamanya, perlulah dirujuk kepada kaedah-kaedah fekah ini. *Al-umur bi maqasidiha* adalah salah satu daripada lima kaedah fekah yang disebut sebagai *al-qawaid al-kubra*. Ia bermaksud "setiap perkara yang dilakukan bergantung pada tujuannya" (niat orang yang melakukan perbuatan tersebut). Empat kaedah lain ialah "suatu keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan *syak* (sangkaan)" (*al-yaqin la yuzalu bi al-syak*), "kemudaratan mesti dihapuskan" (*al-darar yuzal*), "adat dirujuk dalam menentukan hukum" (*al-adah muhakkamah*) dan "kesusahan mendatangkan kemudahan" (*al-dharurat tubih al-mahzurat*).

Kaedah "setiap perkara yang dilakukan bergantung pada tujuannya" ini terbit bersumberkan kepada banyak dalil sama ada daripada ayat al-Quran mahupun hadis. Salah satunya ialah hadis yang mahsyur daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud "*Segala amalan berdasarkan kepada niat, dan setiap orang memperoleh apa yang diniatkannya*" (riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis ini diletakkan sebagai permulaan dalam susunan kitab Hadis 40 susunan Imam al-Nawawi kerana ia mempunyai martabat dan nilai yang tinggi dalam hukum hakam Islam. Malah Imam al-Syafie berpendapat bahawa

hadith ini adalah sepertiga dari Islam kerana ia menjadi asas kepada penetapan suatu hukum syarak.

Niat sangat penting dalam menentukan sama ada sesuatu amalan itu dilakukan kerana Allah atau sebaliknya. Hukum setiap perkara yang dilakukan oleh seorang mukallaf, sama ada dalam bentuk perbuatan atau pertuturan, bergantung pada maksud dan tujuan orang itu melakukan atau menurulkannya.

Jika tindakan yang sama dilakukan dengan tujuan yang berbeza, hasilnya juga akan berbeza bergantung pada niat. Seseorang yang berperang dengan matlamat untuk meninggikan kalimah Allah, maka ia dianggap berada *fi sabilillah* (di jalan Allah) justeru akan mendapat balasan baik atas niatnya. Begitulah sebaliknya. Jika ada dua orang lelaki yang telah disabitkan dengan kesalahan bunuh, sebagai contoh A dan B telah melakukan pembunuhan. A secara sengaja membunuh seseorang yang tidak bersalah, tetapi B tersilap membunuh orang lain secara tidak sengaja. Maka hukuman untuk A dan B berbeza dalam sudut perundangan Islam. Ini disebabkan A melakukan pembunuhan dengan niat, manakala B melakukannya secara tidak sengaja.

Ini menggambarkan tentang kepentingan maqasid yang merujuk kepada niat, tujuan dan objektif perlakuan seseorang yang memberi kesan terhadap kesan dan akibat perbuatannya itu.

Rujukan hadis yang masyhur berkenaan dengan tujuan dan objektif ini ialah hadis berkenaan dengan niat penghijrahan para sahabat nabi SAW dari Mekah ke Madinah. Dalam kitab *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah* (Hadis 40 Imam al-Nawawi) ia diletakkan pada susunan pertama berbanding hadis-hadis yang lain. Ia menjadi penanda aras penerimaan dan penolakan amalan bergantung kepada tujuan hijrah yang dilakukan itu.

عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ
بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِيَ حُرَّةٌ
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا
فَهِيَ حُرَّةٌ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ
(رواه البخاري و مسلم)

Dari Umar radhiyallahu 'anhu, bahwa Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda, "*Amal itu tergantung niatnya, dan seseorang hanya mendapatkan sesuai niatnya. Barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan barang siapa yang hijrahnya*

kerana dunia atau kerana wanita yang hendak dinikahinya, maka hijrahnya itu sesuai ke mana ia hijrah." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dari sudut perbincangan dalam penulisan ini, ia terfokus kepada dua perkara penting iaitu relevannya hadis ini kepada gagasan kaedah fekah *al-umur bi maqasidiha* seperti yang dijelaskan di awal penulisan dan aplikasinya dalam konteks hijrah di zaman Rasulullah SAW serta kesesuaiannya dalam kehidupan masa kini.

Hadis yang dinyatakan di atas adalah menjurus ke aras niat orang yang berhijrah bersama baginda ke Madinah demi kepentingan agama Islam atau sebaliknya. Orang yang berhijrah ke Madinah dengan tujuan dan maksud yang baik lagi ikhlas semata-mata kerana Allah dan Rasulnya, sudah pasti mendapat ganjaran yang bersesuaian dengan tujuannya. Sebaliknya, mereka yang berhijrah dengan tujuan yang tidak sesuai dengan tuntutan agama seperti untuk kepentingan peribadinya, maka dia akan menerima hasil atas apa yang ia niatkan.

Boleh dikatakan hampir keseluruhan para sahabat yang berhijrah kerana Allah dan Rasulnya namun ada terselindung di sebaliknya itu seorang lelaki yang berhijrah untuk tujuan menikahi seorang wanita yang digelar Ummi Qais yang sebelumnya tidak mahu menjadi isteri pemuda tersebut jika dia tidak mahu datang dan berhijrah ke Madinah. Akhirnya berhijrahlah lelaki itu dan mereka akhirnya mendirikan rumahtangga.

Dalam kitab Hadis 40, Imam al-Nawawi menukilkan pendapat Ibn. Mas'ud *"Kami menamakan orang itu dengan nama muhajir Ummi Qais iaitu seorang yang berhijrah kerana ingin mengahwini wanita tersebut dan bukannya kerana Allah dan Rasulnya."* Inilah gambaran hijrah yang dan penerimaannya di sisi Allah sebagaimana yang diterangkan dalam hadis.

Hijrah dalam konteks sejarah ialah meninggalkan negeri Mekah lalu berpindah ke bumi Madinah untuk kepentingan agama bagi mengembangkan Islam, membina sebuah negara dan kerajaan Islam berdaulat serta mendaulatkan syariat Islam agar tertegak di atas muka bumi. Dalam pengertian yang lebih umum dan aplikasinya dalam konteks semasa, ialah hijrah atau transformasi diri dari melakukan larangan Allah atau meninggalkannya sama sekali menuju ke arah kualiti hidup yang lebih sempurna. Ia hendaklah dilakukan secara menyeluruh merangkumi perkataan, perbuatan dan tingkahlaku, ke arah peningkatan kehidupan yang lebih berkualiti dalam segenap sudut merangkumi politik, ekonomi, sosial, pengurusan, pentadbiran, perundangan, kehakiman dan seluruh aspek kehidupan yang lain.

Hijrah menuntut pengorbanan dan fokus diri yang positif. Tidak lagi sekadar berpindah tempat, tetapi meninggalkan pemikiran mundur yang negatif, tidak produktif menuju arah yang lebih baik. Hijrah pada masa kini mengajarkan kita untuk berani meninggalkan hal-hal yang merugikan, seperti kebiasaan buruk, menjauhi perkara dosa dan mazmumah, atau lingkungan yang tidak mendukung pembinaan jati diri muslim. Melalui perubahan ini kita dapat memperluas wawasan, skop pemikiran dan berfikiran kreatif meneropong potensi diri yang lebih besar.

Kefahaman berkenaan hijrah ini wajar diperluaskan skopnya bukan hanya dalam konteks ibadah khusus semata-mata tetapi ia mendukung praktis ibadah yang lebih umum bersesuaian dengan kehidupan yang dituntut dalam ajaran Islam. Ia perlu dibentuk selari dengan falsafah niat dan azam.

Kebanyakan orang apabila menyebut berkenaan hijrah atau tahun baru sama ada tahun masihi mahupun hijri, pasti akan dikaitkan dengan azam dan cita-cita. Dalam konteks tahun baru hijrah, ia sangat berkait dengan intipati doa awal tahun yang dibaca kerana mengharapkan tahun baru yang muncul ini dapat seseorang itu menghindari dari perbuatan dosa, tipu daya syaitan, terpelihara diri dari runtunan hawa nafsu yang mendorong kepada kejahatan dan cenderungnya hati untuk membuat kerja-kerja kebajikan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dalam merealisasikan kejayaan sesuatu perbuatan, niat dan azam itu sangat penting. **Beberapa langkah seterusnya mesti digerakkan antaranya** ialah :

1. Perancangan, pengurusan dan strategi yang baik serta bersesuaian dengan matlamat yang ingin dicapai
2. Pelaksanaan yang baik dan istiqamah
3. *Tawakkal* kepada Allah SWT
4. Membuat penilaian dan muhasabah secara berterusan agar perancangan dan pelaksanaan tidak lari serta tersasar dari matlamat yang ingin dicapai.

Perancangan, pengurusan dan strategi memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan cita-cita dan azam. Ini dijayakan dengan baik oleh Rasulullah S.A.W. dalam memacu kegemilangan usaha dakwah dan pembentukan negara Islam sewaktu kepimpinan baginda yang kemudiannya diteruskan oleh para Khulafa al-Rasyidin.

Sebagai contoh, ketika zaman awal kemunculan Islam di saat agama dan diri baginda sendiri mendapat pelbagai ancaman dan ujian, atas kepakaran strategi dan perancangan, serta pengurusan yang baik, setiap satu langkah disusun dengan taktik dan teknik yang pelbagai supaya setiap pergerakan menghasilkan kejayaan. Dalam menjalankan misi dakwah, Baginda melaksanakannya dengan penuh hikmah dan berstrategi dengan tidak terus berdakwah secara terang-terangan sebaliknya mengambil langkah menyampaikan Islam secara rahsia dan berhati-hati kepada keluarga terdekat sahaja.

Hijrah dari Mekah ke Madinah pula berlaku cukup dengan strategi yang tidak dijangkau oleh pihak musuh. Membangunkan masyarakat Madinah juga disusun dalam bentuk yang amat tersusun, berstrategi dan bersinergi. Kecemerlangan kerajaan Islam Madinah terserlah melalui kehebatan diri pimpinan serta organisasi yang ditubuhkan. Antara usaha baginda dalam menyusun masyarakat dan negara antaranya ialah membina masjid dan menjadikannya sebagai sebuah institusi sosial, mewujudkan organisasi dan divisyen ketenteraan, menyatupadukan orang-orang Arab di bawah satu ikatan akidah Islamiyyah, menggubal Perlembagaan Madinah, melantik para pegawai serta kakitangan kerajaan peringkat pusat dan wilayah dan bermacam-macam lagi, malah baginda sendiri melaksanakannya seiring dengan penampilan peribadi dan contoh tauladan yang baik. Ia amat bertepatan dengan apa yang disebut oleh Saidina Ali bin Abi Thalib *"sesuatu yang hak (benar dan betul) tetapi tidak berstrategi akan ditewaskan oleh kebatilan yang dilakukan secara berstrategi"*.

Dalam Islam, sesuatu azam yang diiringi dengan usaha, perancangan, pengurusan, strategi dan pelaksanaan tidak akan tercapai keberhasilannya tanpa bergantung kepada taufik dan hidayah serta *inayah* (pertolongan) Allah. Dengan sebab itu adanya konsep *tawakkal* yang boleh diertikan sebagai berserah kepada Allah setelah berikhtiar dalam melaksanakan sesuatu perbuatan.

Ini amat bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud “kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad (azam), maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya” (Surah Ali Imran : 159).

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa niat dan tujuan seseorang itu menjadi penentu amalan yang dilakukannya itu. Jika ianya bertentangan dengan perintah syarak maka pelakunya dikira berdosa. Dan sebaliknya, jika bertepatan dengan tuntutan syarak pelakunya mendapat pahala. Pada perkara yang diharuskan oleh syarak, seperti berhijrah atau bermusafir, maka niatnya itulah yang menentukan sama ada dia memperoleh kebaikan dari permusafirannya itu, atau sekadar berhasil menggapai apa yang dituju sahaja. Begitu juga dengan amalan lain yang dilakukan dalam kehidupan setiap hari.

Kaedah fekah *al-umur bi maqasidiha* inilah yang menjadi penanda aras atau *Key Performance Indicators* (KPI) dalam mengatur hala tuju perbuatan yang hendak dan akan dilakukan agar terus kekal terfokus dari permulaan sehingga pengakhirannya lebih-lebih lagi dalam proses hijrah diri menjadi peribadi muslim yang lebih sempurna.